

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 13 DISEMBER 2017

MUKA SURAT: 08

Subsidi lebih RM100,000 setiap unit PPR

SIDANG
DEWAN
NEGARA



Laporan AZMAN IBRAHIM

KUALA LUMPUR 12 Dis. - Kerajaan menanggung subsidi lebih RM100,000 bagi setiap unit kediaman Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang dibina di negara ini.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, kos pembinaan sebenar bagi

setiap unit PPR adalah melebihi RM150,000.

“Walau bagaimanapun, setiap unit PPR di Semenanjung Malaysia dijual kepada golongan B40 hanya pada harga RM35,000 seunit.

“Selain itu, setiap PPR yang dibina juga akan disediakan unit-unit untuk golongan orang kurang upaya (OKU) yang terletak di aras paling bawah selain ciri binaan yang mesra OKU,” katanya ketika menggulung perbahasan Bajet 2018 bagi kementeriannya



NOH OMAR

dalam sidang Dewan Negara hari ini.

Beliau memberitahu, kerajaan turut merancang membina 10,000 unit Rumah Transit Belia di bandar-bandar utama seluruh negara bagi membantu golongan muda mendapatkan kemudahan tempat tinggal yang murah dan selesa.

Noh menambah, pembinaan projek berkenaan yang menggunakan konsep unit studio telah dimulakan di mukim Batu di sini.